

Peranan Wakaf dalam Membangunkan Ekonomi Umat Islam: Pengalaman di Malaysia

Abstrak

Asmak Ab Rahman, PhD

Waqf merupakan satu ibadat sunat yang sangat digalakkan dan memberi impak yang besar dalam membangunkan ekonomi umat Islam kerana ia bertindak sebagai mekanisme agihan semula kekayaan di kalangan masyarakat. Di Malaysia, selain wakaf dalam bentuk tradisi seperti wakaf masjid, tanah perkuburan, premis perniagaan, tanah pertanian terdapat wakaf kontemporari iaitu wakaf wang, saham wakaf, wakaf saham dan takaful wakaf mampu membangunkan ekonomi umat. Kewujudan wakaf kontemporari dalam bentuk wakaf wang dan saham wakaf dapat digunakan untuk pelbagai projek pembangunan ekonomi dengan lebih luas kerana seperti penyediaan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, peluang pekerjaan dan pembasmian kemiskinan di kalangan masyarakat. Majlis Agama Islam Negeri merupakan pengurus harta-harta wakaf di Malaysia secara rasmi di samping beberapa institusi lain seperti Syarikat Takaful Malaysia, Yayasan Dakwah Malaysia dan PEYATIM. Oleh itu kertas kerja ini akan membincangkan konsep wakaf, nazir wakaf, harta-harta wakaf kontemporari, konsep pembangunan ekonomi dan projek-projek pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan di Malaysia menggunakan harta-harta wakaf. Hasil kajian mendapati bahawa projek-projek yang dilaksanakan menggunakan harta wakaf ini dapat membangunkan ekonomi umat Islam secara langsung maupun tidak langsung.

PENDAHULUAN

Ummat Islam adalah bersaudara dan digambarkan sebagai satu bangunan yang saling sokong menyokong. Penzahiran persaudaraan itu bukan semata-mata dalam bentuk pertolongan dari segi tenaga atau bantuan lain malah Islam mengajar umatnya supaya tolong menolong dan bantu membantu dalam bentuk wang dan harta benda. Bantuan dan pemberian wang dan harta benda ini bukan kerana mahukan sesuatu dari manusia tetapi kerana mahukan keredhaan Allah. Oleh itu selain zakat, hibah dan sebagainya umat Islam akan berkongsi harta kekayaannya dengan orang lain melalui berwakaf.

Wakaf merupakan satu amalan sunat dan digalakkan dan menjadi wajib dilaksanakan apabila dibuat dengan wasiat. Oleh kerana umat Islam mahu berwakaf kerana mahukan keredhaan Allah maka wakaf merupakan satu mekanisme perkongsian harta kekayaan seseorang dengan orang lain. Dalam ekonomi, wujudnya golongan yang mengagih semula harta kekayaan kepada orang lain sangat penting kerana ia boleh membantu mencapai pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Kertas kerja ini akan membincangkan konsep berkaitan wakaf, kepentingan agihan semula kekayaan untuk pembangunan ekonomi dan bagaimana wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi negara.

DEFINISI WAKAF

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagi makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri.

1. *Waqf* makna berhenti (السكن)
2. *Waqf* makna menegah (المنع)
3. *Waqf* makna menahan (الحبس)

Ulama fiqh sepakat mentakrifkan wakaf mengikut istilah bahasa dengan *al-habs* ertiannya menahan; kerana perkataan *al-habs* itu lebih hampir kepada pengertian syara'. Lebih-lebih lagi perkataan *al-habs* itu banyak diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam beberapa buah hadisnya, antaranya:

حَسْنُ الْأَصْلِ وَسَبَلُ النَّفْرَةِ

Maksudnya : Wakafkanlah tanah itu dan berilah hasil buahnya sebagai sedekah

Wakaf Menurut Istilah Syara'

Wakaf ialah suatu bentuk dedikasi harta sama ada secara (sarih) terang atau (kinayah) sindiran di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan kepada tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum maupun khusus.

Dari segi istilah ia bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan berada dalam keadaan yang baik dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t dan memberi kebajikan kepada orang lain.

Syed Sabiq- mendefinisikan wakaf sebagai menahan harta dan memberikan manfaatnya di jalan Allah.

Abu Yusuf dan Muhammad bin Hasan, Ahmad bin Hanbal dan Al-Syafi'i- Wakaf ialah menahan ain mauquf (harta) sebagai milik Allah atau pada hukum milik Allah dan mensedekahkan manfaatnya ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya.

DALIL DISYARIATKAN WAKAF



Maksudnya: Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian dari harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah maha mengetahui (SurahAli Imran,3:92)

Menurut cerita Anas bin Malik, bahawa Abu Talhah adalah seorang Ansar yang paling banyak memiliki kebun kurma di Madinah, antara kebun kurma yang paling disayangi ialah kebun kurmanya di Bairuha, yang terletak berhadapan dengan masjid. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah mengunjunginya dan meminum airnya yang ada di sana yang sangat nyaman.

Apabila firman Allah S.W.T. yang tersebut di atas itu diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w., maka Abu Talhah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya harta yang paling aku sayang ialah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah S.W.T

Amalan mewakafkan harta ke jalan yang baik akan diberi oleh Allah S.W.T. ganjaran pahala yang berkekalan dan berpanjangan selama harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan atau tidak musnah. Sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a. telah menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إِذَا مَاتَ أَبُنْ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ جَارِيَةٍ
أَوْ عِلْمٌ يُتَفَقَّعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَذْعُولُهُ.

Maksudnya: Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

Ulamak telah mentafsirkan perkataan "sedekah jariah" dalam hadis yang tersebut di atas itu dengan maksud wakaf, kerana pahala sedekah jariah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf

Para ulama sepakat menerima wakaf sebagai satu amal jariah yang disyari'atkan dalam agama Islam. Tiada siapa yang dapat menafikan dan menolak tuntutan amalan wakaf dalam Islam kerana wakaf telah menjadi amalan yang sentiasa diutamakan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w., ahli-ahli ibadat yang suka bersedekah atau membuat amal kebajikan dan ahli-ahli ilmu yang suka mendampingkan dirinya dekat dengan Allah S.W.T.

Terdapat 3 prinsip peraturan wakaf yang perlu direalisasikan dalam suatu perlaksanaan wakaf, iaitu:

- a. Harta wakaf tidak boleh dijual;
- b. Harta wakaf tidak boleh diberikan (dihibahkan) kepada orang lain;
- c. Harta wakaf tidak boleh diwarisi.

Oleh itu dalam memajukan wakaf bagi membangunkan ekonomi ummah, ketiga-tiga prinsip ini harus di ambil kira supaya nazir tidak melanggar peraturan wakaf.

BENTUK-BENTUK PERWAKAFAN

Sesuatu perwakafan boleh dibahagikan kepada dua kategori umum, iaitu wakaf 'am dan wakaf Khas. Wakaf am merupakan mana-mana bentuk dedikasi wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan mana-mana benefisiari khusus (samada terdiri daripada individu ataupun mana-mana organisasi/institusi) ataupun tujuan-tujuan khusus yang tertentu. Perwakafan daripada kategori ini boleh diaplikasikan kepada perkara-perkara atau tujuan-tujuan kebajikan umum yang dapat meningkatkan lagi imej Islam dan masyarakatnya. Seorang yang berwakaf tanahnya untuk umat Islam secara umum. Seorang yang berwakaf tanahnya untuk tujuan kebajikan. Tidak disyaratkan dibuat apa-apa.

Wakaf khas melibatkan mana-mana bentuk dedikasi wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan khusus ataupun benefisiari-benefisiari tertentu. Dalam perwakafan khas, seseorang pewakaf akan menetapkan

daripada awal lagi kepada siapakah wakafnya dibuat atau untuk tujuan manakah wakafnya mesti diaplikasikan.

RUKUN WAKAF

Dalam pelaksanaan wakaf terdapat empat elemen untuk menjadikan wakaf itu sah dan terlaksana iaitu:

1. Pewakaf (*Waqif*)
2. Benefisiari/Penerima Wakaf (*Mauquf' Alayh/ Alayhim*)
3. Harta yang diwakafkan (*Mauquf*)
4. Lafaz yang digunakan dalam perwakafan (*Sighah*)

HARTA-HARTA YANG BOLEH DIWAKAFKAN

Terdapat dua kategori harta yang boleh diwakafkan, iaitu harta tak alih (*Aqar* atau *Immovables*) dan harta alih (*Manqul* atau *Movables*)

Harta Tak Alih (*Aqar* atau *Immovables*) biasanya banyak diwakafkan malah pada amalan tradisi pada zaman rasulullah dan sahabat banyak harta tak alih yang diwakafkan. Para ulamak seperti Ibn Qudamah, Ibn 'Abidin dan Al-Ramli pernah mengungkapkan bahawa "Semasa Rasulullah s.a.w., tidak ada wakaf yang dilakukan melainkan dalam bentuk tanah dan rumah". Oleh itu mereka bersetuju bahawa wakaf sah dibuat daripada harta-harta tak alih kerana ia bersifat kekal dan ini menepati kriteria terpenting sesuatu perwakafan, iaitu wujudnya elemen kekal pada aset dan manfaat harta yang diwakafkan.

Bagi harta alih pula seperti wang, buku, sejadar dan sebagainya tidak semua ulama berpandangan ianya boleh diwakafkan kerana elemen kekal tidak wujud dalam aset yang diwakafkan. Namun begitu, mengikut jumhur ulama seperti Imam al-Shafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad Ibn Hanbal, harta alih boleh diwakafkan dengan syarat ianya tidak habis semasa digunakan seperti kereta, peralatan perabut dan sebagainya. Terdapat riwayat yang menceritakan bahawa Khalid Ibn Al-Walid pernah mewakafkan harta alih (*movable assets*) iaitu peralatan perang sebagaimana dijelaskan dalam hadis berikut:

لَنْ تَرَوُنَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ خَالِدًا فَقْدَ لَحْتَبَنَ لِزَاعَةً وَاعْتَادَهُ فِي مَسِيقَةِ اللَّهِ

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Bahawa Khalid telah mewakafkan baju besinya dan beberapa kelengkapan perangnya pada jalan Allah

Bagi harta seperti duit, saham dan sebagainya boleh juga diwakafkan dengan cara menuarkannya kepada bentuk harta kekal atau harta tak alih yang lainnya. Penukaran ini boleh dibuat dengan melaburkan item-item berkenaan dalam bentuk-bentuk pelaburan yang dibenarkan dalam Islam. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan ini akan digunakan untuk membeli harta tak alih lain yang akan dijadikan wakaf mengantikan aset wakaf asal (harta alih) yang dilaburkan.

Pandangan ini diasaskan kepada pendapat yang dikemukakan oleh fuqaha' seperti Muhammad Abdullah al-Ansari, salah seorang daripada sahabat Zufar. Menurut beliau, wang boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan

(atau diwakafkan). Begitu juga barang-barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang boleh diwakafkan di mana ianya akan dijual dan wang yang diperolehi daripada jualan itu akan dilaburkan dan hasilnya boleh diwakafkan kepada tuiuan-tuiuan kebajikan

Fatwa di Malaysia dan Indonesia juga membolehkan wang diwakafkan. Fatwa Kebangsaan Malaysia memutuskan bahawa

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam

Dengan fatwa ini masyarakat Islam di Malaysia mula mewakafkan wang dalam bentuk pembelian saham-saham wakaf yang diterbitkan oleh Majlis-Majlis Agama Islam Negeri, institusi tertentu dan juga mewakafkan wang dalam bentuk pembelian takaful wakaf. Wakaf wang ini membolehkan wakaf dapat dibuat dengan lebih meluas di mana semua golongan mampu berwakaf kerana nilai satu saham wakaf adalah serendah RM2.00 sahaja contohnya di Melaka.

KEPENTINGAN AGIHAN SEMULA KEKAYAAN UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH

Pelbagai definisi pembangunan ekonomi dibincangkan oleh para ahli ekonomi. Menurut Goulet terdapat tiga komponen asas dalam pembangunan ekonomi iaitu keperluan asas, harga diri dan kebebasan. Sekiranya ketiga komponen ini tidak wujud maka sesebuah negara belum mencapai pembangunan ekonomi.

Komponen yang sangat penting bagi pembangunan ialah keperluan asas di mana ianya termasuklah makanan, kesihatan, perlindungan dan tempat tinggal. Sekiranya keperluan-keperluan asas ini tidak dapat dipenuhi maka akan berlaku kemiskinan di kalangan rakyat. Oleh itu bagaimana untuk memastikan bahawa semua lapisan masyarakat mempunyai dan memperolehi keperluan asas ini.

Bagi golongan yang kaya dan mampu mereka tiada masalah untuk memperolehi makanan, tempat tinggal serta mendapat rawatan kesihatan yang baik apabila sakit dan sebagainya. Bagi golongan yang tidak mampu dan miskin bagaimana mereka boleh memperolehi semua keperluan tersebut?. Apabila mereka tidak memperolehi keperluan asas ini, bukan setakat mereka sahaja yang mendapat keperitan hidup, malah ia juga memberi kesan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Negara yang rakkyatnya tidak mendapat keperluan asas ini dianggap sebagai negara yang tidak membangun.

Ahli ekonomi Islam pula berpandangan bahawa pembangunan ekonomi memerlukan keseimbangan dari segi kebendaan dan bukan kebendaan dan perlu mengambil kira aspek untuk mencapai pembangunan duniawi dan ukhrawi. Oleh itu Islam tidak melarang manusia berusaha memperolehi pembangunan ekonomi dalam bentuk material dan dalam masa yang sama perlu mengambil kira pembangunan untuk mencapai maqasid al-syariah.

Malah UNDP (Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu) turut memfokuskan pembangunan perlu mengambil kira pembangunan manusia dan tidak mengukur pembangunan daripada pertumbuhan ekonomi dan teknologi semata-mata. Manusia yang membangun ingin memiliki kehidupan yang lebih panjang dan sihat, menjadi terpelajar dan mudah memperolehi sumber-sumber yang boleh membawa kepada satu kehidupan yang selesa. Ini bermakna, pembangunan manusia mempunyai dua bahagian, iaitu pembentukan keupayaan manusia melalui pemberian kesihatan, pendidikan dan latihan serta bagaimana individu menggunakan kemampuan yang dimiliki

untuk tujuan-tujuan yang produktif, keselesaan (riah) atau melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial, politik dan kebudayaan.

Oleh kerana kualiti hidup merupakan petunjuk yang sangat penting bagi pembangunan, maka perancangan pembangunan perlu juga mengambil kira aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kualiti hidup masyarakat sesebuah negara. UNDP telah memperkenalkan satu alat pengukur yang dipanggil Angka Tunjuk Pembangunan Manusia (HDI) yang melihat kepada tiga pembolehubah iaitu kehidupan yang panjang (jangka hayat), berpengetahuan (celik huruf) dan satu tingkat pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi satu keperluan di atas tahap kemiskinan.

Oleh kerana pembangunan ekonomi mengambil kira faktor kesejahteraan umat manusia, para ahli ekonomi berpendapat bahawa agihan semulakekayaan perlu dilakukan oleh golongan tertentu dalam masyarakat. Agihan semulakekayaan merujuk kepada pengaliran harta dari sebahagian masyarakat kepada masyarakat yang lain sama ada dalam bentuk wang maupun barang. Agihan semulakekayaan juga boleh dirujuk sebagai membiayai perkhidmatan untuk masyarakat seperti kesihatan dan pendidikan oleh satu golongan masyarakat kepada masyarakat yang lain. Terdapat tiga agen agihan semulakekayaan iaitu kerajaan, individu dan institusi tertentu seperti yayasan yang mewakili satu kelompok masyarakat. Mekanisme agihan semulakekayaan sesebuah negara adalah cukai, subsidi dan kebijakan.

Dalam konteks ini, Islam telah menyediakan satu mekanisme agihan semulakekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dinikmati bersama oleh masyarakat melalui zakat, hibah, kifarat, korban, dan wakaf. Wakaf merupakan mekanisme agihan semulakekayaan dalam Islam. Sebagaimana yang telah dibincangkan individu Islam akan berwakaf kerana ingin taqarrub kepada Allah kerana jaminan akan mendapat pahala yang berpanjangan. Oleh itu wakaf sebagai mekanisme agihan semulaadalah sangat unik kerana pewakaf tidak perlu dipaksa untuk melakukannya kerana ia dibuat dengan niat mendapat keredhaan Allah.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN WAKAF DI MALAYSIA

Pengurusan dan pentadbiran wakaf diletakkan di bawah Majlis Agama Islam setiap negeri dan Majlis agama Islam negeri merupakan pemegang tunggal kepada semua harta wakaf di Malaysia. Perkara ini ditetapkan melalui perundangan bagi setiap negeri, contohnya:

NEGERI	PERUNDANGAN
Selangor	Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
	Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan amanah.
Pulau Pinang	Di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Seksyen 92. Ia memperuntukkan bahawa MAINPP adalah sebagai pemegang amanah tunggal dan bertanggungjawab membangunkannya untuk manfaat orang Islam.
	Seksyen 93 di bawah enakmen yang sama telah memperuntukkan kuasa di mana Majlis handaklah mengambil inisiatif dan meletakhak dan mendaftar kesemua tanah wakaf, amanah dan nazar am yang terkandung dalam Seksyen 92 mengikut undang-undang yang relevan dengan tanah.
Wilayah Persekutuan	Dalam Akta Pentadbiran Undang2 Islam Wilayah2 Persekutuan

1993, Seksyen 61 dan 62 (1),(2) telah memperuntukkan MAIWP sebagai pemegang amanah tunggal bagi harta2 wakaf

Untuk membantu urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf Kerajaan Malaysia pada tarikh 27hb Mac 2004 telah mewartakan penubuhan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) di peringkat persekutuan yang bertindak menyelaras perkara berkaitan wakaf, zakat dan haji.

Setiap negeri mempunyai unit yang khusus menguruskan harta wakaf, membangun, menyelenggara serta melabur harta wakaf supaya berkembang dan dapat dimanfaatkan oleh semua umat Islam. Secara khususnya unit bahagian wakaf MAINS berfungsi sebagaimana berikut:

- memelihara kebijikan, kedudukan dan ekonomi dan masyarakat Islam melalui pembangunan tanah-tanah wakaf
- mempastikan harta wakaf ditadbirkan dengan baik supaya masyarakat Islam memdapat faedah dari harta wakaf
- menyelenggara dan pentadbir harta wakaf dengan baik selepas dengan fungsi majlis sebagai pemegang amanah kesemua wakaf
- mengumpul maklumat dan data-data berkenaan harta-harta wafak dan sumber am
- mengenalpasti tanah-tanah wakaf yang belum didaftarkan
- Mengadakan kempen untuk menggalakkan masyarakat berwakaf
- Menyelaras rekod harta tanah wakaf
- Mengurus sewaan harta tanah wakaf
- Menerima dan menyelaras hasil-hasil wakaf
- Mengurus permohonan penggunaan hasil wakaf
- Menjalankan siasatan terhadap *maukuf* yang hendak mewakafkan harta tanah.
- Menyusun perancangan pembangunan harta tanah wakaf.
- Mengurus proses pengambilan pada peringkat majlis.
- Mengawal aktiviti pencerobohan ke atas harta tanah wakaf
- Menyediakan laporan tahunan dan kemajuan wakaf.

Pihak Majlis Agama Islam Negeri-negeri akan merangka projek-projek pembangunan harta wakaf untuk masyarakat dan dalam masa yang sama perlu memastikan peraturan dan syarat-syarat pewakaf dipatuhi. Oleh itu untuk memastikan harta wakaf dibangunkan mengikut projek yang boleh memberi pulangan ekonomi kepada masyarakat MAINS akan mengambil kira pandangan dari Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan serta Jawatankuasa Syariah. Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan berfungsi membuat keputusan dan menentukan bentuk pembangunan tanah-tanah wakaf yang dirasakan sesuai dan berdaya maju. Manakala jawatankuasa Syariah pula berfungsi menentukan jenis-jenis wakaf dan memutuskan sama ada wakaf-wakaf tersebut boleh dimajukan atau tidak boleh dimajukan mengikut hukum syarak. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan yang pakar dalam bidang berkaitan iaitu Yang Dipertua Majlis Agama (Pengerusi), arkitek, peguam, perancang bandar dan wakil dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Harta-harta wakaf pula terdiri daripada tanah, rumah kedai, rumah, tanah perkuburan, masjid dan sebagainya. Di Malaysia, harta wakaf kontemporari yang diperkenalkan ialah wakaf saham, saham wakaf, wakaf tunai dan takaful wakaf. Terdapat terdapat beberapa negeri yang telah memperkenalkan saham wakaf iaitu Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Pahang, Johor dan Yayasan Dakwah Malaysia. Syarikat

Takaful Malaysia pula memperkenalkan takaful wakaf yang merupakan satu bentuk wakaf menggunakan wang tunai.

Saham wakaf bermaksud mewujudkan suatu wakaf musytarak (berkelompok) melalui sumbangan yang diterima daripada masyarakat ke dalam satu tabung amanah wakaf yang mana akan ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan badal atau ganti wang. Penukaran ini dibuat dalam bentuk pembangunan harta tanah, pembangunan tanah wakaf sedia ada dan pelbagai aktiviti pembangunan sosio-ekonomi yang dirancang dari masa ke semasa bagi kebajikan dan kepentingan agama Islam kerana Allah s.w.t. selama-lamanya.

Pewakafan melalui skim saham wakaf ini menunjukkan satu kejayaan kepada umat Islam kerana wang yang dikumpul melalui skim saham wakaf ini membolehkan wang tersebut digunakan untuk pelbagai projek pembangunan ekonomi tanpa ada batasan ataukekangan sebagaimana wakaf dalam bentuk harta tak alih. Wang tersebut ditukarkan kepada harta-harta tak alih dan boleh diagihkan dengan lebih meluas dan tidak terhad kepada tempat tententu dan sebagainya.

PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI

Wakaf dapat berperanan dalam pembangunan ekonomi melalui beberapa perspektif iaitu:

Wakaf dan bantuannya terhadap kerajaan

Wakaf dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan kemudahan awam seperti kemudahan pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Sebagaimana dijelaskan untuk mencapai pembangunan ekonomi, kerajaan perlu menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan dan sebagainya supaya rakyat memperolehi kemudahan tersebut. Oleh itu dengan adanya masyarakat yang mewakaf tanah atau bangunan sekolah, pusat latihan, hospital, klinik dan sebagainya dapat membantu kerajaan dalam meringankan kewajipan yang di bebankan terhadapnya sehingga beban belanja perkhidmatan awam khususnya penyelidikan dan kesihatan dapat dikurangkan dengan wakaf.

Wakaf dan peningkatan permintaan

Wakaf sebagai salah satu bentuk sedekah mempunyai peranan penting dalam meningkatkan penawaran secara berterusan. Wakaf merupakan jenis sedekah yang pada asalnya bersifat kekal dan pengagihannya hanya dilakukan pada faedah barang yang diwakafkan. Ia merupakan sedekah yang tidak hanya peruntukan dalam suatu waktu tertentu namun wakaf merupakan sedekah yang diperuntukkan untuk generasi yang akan datang. Melalui hasil wakaf yang diagihkan kepada mereka yang berhak maka permintaan barang dan perkhidmatan akan meningkat. Ini kerana orang yang menerima wakaf akan membelanjakan harta sedekah yang diterima untuk keperluan mereka sehingga permintaan barang dan perkhidmatan meningkat.

Wakaf dan penyediaan peluang perniagaan

Harta wakaf yang digunakan untuk membina pusat latihan dan kemahiran kerjaya dapat meningkatkan kualiti sumber manusia dan menghasilkan tenaga kerja yang dapat di terima oleh pasaran. Di samping itu harta wakaf dapat dijadikan modal pelaburan yang dapat menyediakan peluang pekerjaan. Pengangguran dapat dikurangkan dengan munculnya syarikat-syarikat enterprise yang memerlukan banyak tenaga pekerja mahir.

Sumbangan wakaf dalam menyediakan tempat peribadatan

Masjid dan madrasah merupakan tempat di mana aktiviti ibadat, menuntut ilmu serta pengisian rohani dapat dilakukan. Dengan adanya masyarakat yang mewakafkan tanah atau wang untuk pembinaan masjid maka secara langsung umat Islam dapat beribadat dan membangunkan rohani mereka. Penyediaan kemudahan melalui institusi wakaf ini secara langsung dapat mengurangkan bebanan kewangan kerajaan dan kerajaan boleh mengagihkan peruntukan tersebut untuk sektor yang lebih kritikal seperti pertahanan negara dan sebagainya.

Peranan wakaf dalam menangani kemiskinan

Wakaf dapat menangani kemiskinan dengan pembinaan hospital untuk golongan miskin, pembinaan sekolah, pembinaan universiti, pembinaan pusat-pusat latihan dan kemahiran serta pembinaan perumahan untuk golongan miskin.

Antara indikator kemiskinan ialah seseorang itu buta huruf, tidak mendapat pendidikan, tiada kemahiran. Oleh itu dengan mewujudkan sekolah, universiti, institusi pengajian tinggi serta pusat latihan dan kemahiran wakaf akan membantu golongan miskin mendapat pendidikan percuma atau pada kos yang rendah.

Orang yang buta huruf atau tidak mempunyai sebarang kemahiran mempunyai peluang yang rendah untuk memperolehi pekerjaan. Kesannya mereka akan terus berada dalam kemiskinan. Amalan wakaf pendidikan terdapat dalam pelbagai bentuk dan sifat harta yang telah diwakafkan oleh pewakaf iaitu wakaf asrama pelajar, wakaf bangunan dan buku, meja dan lain-lain.

Seseorang itu juga dianggap miskin sekiranya tidak mendapat akses kepada khidmat kesihatan. Impaknya disebabkan kemiskinan mereka tidak dapat ke hospital atau mendapat rawatan di klinik-klinik apabila sakit, mengandung dan sebagainya. Kesannya apabila mereka tidak mendapat rawatan yang sepatutnya ketika sakit, kemungkinan sakit akan mlarat dan memberi kesan jangka panjang dan jangka pendek. Kesan jangka pendek mungkin mereka tidak dapat bekerja kerana masalah kesihatan. Kesan jangka panjang akan menjelaskan hidup mereka sepanjang hayat. Bagi ibu-ibu yang mengandung pula sekiranya tidak mendapat rawatan sepanjang kehamilan atau selepas bersalin akan memberi kesan kepada bayi dan ibu sendiri. Bayi mungkin akan menghadapi risiko kurang nutrition dan sebagainya. Dengan adanya hospital atau klinik wakaf akan membantu golongan miskin mendapat rawatan kesihatan secara percuma atau pada kadar bayaran yang rendah.

Projek-projek pembangunan ekonomi di Malaysia menggunakan harta-harta wakaf

Harta wakaf dibangunkan dengan pelbagai projek yang boleh mendatangkan manfaat ekonomi kepada umat Islam secara langsung maupun tidak langsung. Hasil sewaan bangunan Wakaf dan lain-lain projek Wakaf akan diagihkan untuk kebijakan dan kepentingan umat Islam. Contohnya, seperti memberi bantuan kepada orang yang berada dalam asnaf-asnaf zakat; bantuan kerana pembinaan, pengurusan dan mengimarahkan masjid, surau, madrasah, klinik, hospital dan lain-lain; bantuan kepada orang yang ditimpa bencana alam, kemalangan, rawatan perubatan, anak-anak yatim, orang yang dalam tahanan, bantuan pendidikan, meningkatkan syiar Islam dan bantuan untuk membangunkan negara dan lain-lain yang berkaitan dengan kepentingan dan kebijakan umat Islam.

Secara khususnya antara projek yang telah dilakukan di Malaysia menggunakan harta wakaf, hasil harta wakaf atau dari kumpulan wang dana saham wakaf ialah:

PROJEK WAKAF UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI		PROJEK-PROJEK YANG DILAKUKAN	
KEDAH	NEGERI	<p>PLAZA PUTRA SENTOSA- Kedah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Siap dibina tahun 1996 di atas tanah wakaf seluas 0.6318 hektar • Terletak di tengah-tengah Bandaraya Alor Star • Dipajak kepada Syarikat Binaan Sentosa selama 99 tahun • Mempertolehi 4 juta hasil pajakan tersebut. <p>BANGUNAN RUMAH KEDAI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bangunan rumah kedai dua tingkat telah dibina di daerah Baling Kedah • Dibina dalam 2 fasa dan siap sepenuhnya pada 22 jun 2004 • Dibina di atas tanah wakaf seluas 0.320 hektar • Disewakan dan hasilnya dipungut oleh MAIK <p>BANGUNAN KEDAI PEKAN POKOK SENA</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dibina dengan kerjasama baitulmal di atas sebuah tanah wakaf di pekan Pokok Sena Kedah. • Kadar sewaan sebanyak RM500.00 dan keatas. • Kedai runcit,restoran,stesen minyak,bank dan lain-lain. <p>PEMBINAAN KOMPLEKS DAN BANGUNAN PERNIAGAAN</p> <p>JOHOR</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kutipan saham wakaf digunakan untuk membina sebuah bangunan setinggi enam tingkat di Batu 6 ½ Tampoi dengan kos RM 4.99 juta yang dimanfaatkan sebagai Pusat Latihan dan Dakwah Saudara Baru • Ruang niaga yang disewakan kepada mereka yang berminat. • Premis wakaf 5 unit yang telah dibeli di Bandar Bukit Puchong menggunakan Dana Saham Wakaf Selangor berjumlah RM1.05 juta. <p>SELANGOR</p> <p>PULAU PINANG</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Menara UMW setinggi 21 tingkat yang menempatkan pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang di tingkat 7 dan 8.) <p>PULAU PINANG</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan 8 Unit Premis Komersial Dan 12 Unit Premis Kediaman, 3 Tingkat Pusat Rawatan, 5 Unit Kedai Pejabat Di Lebuh Buckingham <p>PULAU PINANG</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan 9 Unit Kedai Pejabat Di Lebuh Carnavon Daerah Seberang Perai Utara <p>Rumah kos sederhana 1 tingkat dan rumah berkembar telah di atas tanah seluas 2.9762 hektar di lot 227 Mergong,Alor Star</p> <p>KEDAH</p> <p>2.Perumahan kedua di lot 260 Sg pertani,Kedah</p>	

PROJEK PERUMAHAN	Perjanjian pajakan selama 99 tahun dengan syarikat Brilliant Contour Sdn Bhd dengan harga pajakan sebanyak RM1,020,000.00.
MELAKA	<p>Projek Rumah Pangsa Al Ehsan yang bernilai RM2.27 juta siap dibangunkan atas Lot.82 Tengkera, Kawasan Bandar Daerah Melaka Tengah. Projek ini dibayari oleh Tabung Amanah Saham Wakaf dan lebihan wang zakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> * Bangunan yang dibina terdiri dari 40 unit kediaman dan 14 unit kedai. * Tujuan pembinaannya adalah seperti dirancang iaitu untuk disewa kepada golongan miskin dan ibu tunggal. * Pemeriksaan Audit mendapat pelaksanaan projek ini dapat membantu meningkatkan kehidupan keluarga miskin menduduki rumah yang lebih sesuai dengan bayaran sewa yang rendah. * Lawatan Audit ke rumah pangsa tersebut mendapat semua rumah kediaman telah disewakan kepada penghuni yang berkelakuan dan projek berkenaan mencapai matlamatnya. Bagaimanapun ruangan kedai masih belum ada penyewa.
PULAU PINANG	PEMBANGUNAN TANAH WAKAF KHAN MOHAMAD (Cadangan pembangunan 32 unit rumah pangsa kos sederhana (700 k.p.) di atas Tanah Wakaf Khan Mohamed Lot 303 & 304, Jalan Perak)
PULAU PINANG	Cadangan Pembinaan 43 Unit Rumah Teres 2 Tingkat (70' X 20') Di Atas Lot 2470, Mukim 4, Kuala Bekah, Spu, Jalan Padang Bengali, Penang -Tanah Sumber Am
PULAU PINANG	WAKAF MASJID ALIMSAH WALEY, LEBUH CHULIA (Pembangunan 56 Unit Premis Kediaman)
KEDAH	<p>SEKOLAH RENDAH ISLAM DARUL AMAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di atas tanah wakaf di Tandop, Alor Star • Sekolah tersebut merupakan sekolah agama rakyat (SAR) <p>SEK MEN AGAMA NURUL ISLAM,AIR HITAM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Di bina atas tanah yang diwakafkan oleh Tuan Guru Hj Abu Bakar Hanafiah Palestin • Sekolah agama rakyat (SAR) • Di belakang sekolah tersebut terdapat sebuah Pondok Pengajian • Tuan Guru Hj Abu Bakar Palestin merupakan pengasas dan tok guru pondok tersebut <p>MAKTAB MAHMUD</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maktab Mahmud merupakan salah sebuah sekolah agama yang di bina diatas tanah wakaf. • Sekolah ini di naungi oleh Sultan Kedah sendiri,i.a merupakan sekolah Agama yang terbaik di Malaysia dan telah ramai melahirkan tokoh-tokoh negara dan ulama'
PEMBINAAN SEKOLAH/PUASAT PENGGAJIAN	

	SEK MEN AGAMA NADIAH,BUKIT BESAR	<ul style="list-style-type: none"> Sekolah ini telah dibina di atas sebuah tanah wakaf di Bukit Besar,Kedah. Ia juga merupakan salah sebuah sekolah agama rakyat (SAR) dan menerima bantuan dari orang ramai serta wakaf. Di belakang sekolah tersebut juga terdapat sebuah Pondok Pengajian bagi pelajar yang ingin mendalami ilmu agama.
SELANGOR	SEBUTUAN BANGUNAN SEKOLAH RENDAH AGAMA DI PULAU INDAH	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Sekolah Rendah Agama di Pulau Indah dengan menggunakan sebahagian daripada dana Saham Wakaf sebanyak RM 2 juta. Pusat Maklumat Komuniti Siber, MAIS, di Wisma MAIS Seksyen 3, berjumlah RM 350 ribu Cadangan Projek Pembinaan Perpustakaan Kolej Universiti Antarabangsa Selangor berjumlah RM 13.3 juta.
JOHOR	SAHAM WAKAF	<p>Saham wakaf digunakan untuk memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama Negeri Johor dan Rumah Anak-Anak Yatim serta bantuan-bantuan lain kepada mereka yang memerlukan</p> <p>Pembelian Sebuah Bangunan Enam Tingkat di Kaherah, Melin bermula RM4 juta melalui terbitan saham wakaf</p> <p>Pada tahun ini Majlis Agama Islam Negeri Johor telah bersetuju untuk melancarkan Saham Wakaf Johor Fasa ke dua bagi tujuan untuk membeli sebuah bangunan asrama enam tingkat di Kaherah Khas untuk kegunaan pelajar-pelajar yang menuntut di Universiti Al-Azhar Mesir.</p>
KEDAH	BANTUAN KEPADA SEKOLAH AGAMA DAN RUMAH ANAK-ANAK YATIM	<p>Persetujuan membeli bangunan ini adalah berdasarkan peningkatan jumlah pelajar-pelajar Malaysia khususnya pelajar Johor melanjutkan pelajaran dalam bidang agama dan perubatan di Universiti Al-Azhar pada setiap tahun.</p> <p>Bangunan asrama yang dibeli ini berketinggian enam tingkat dimana setiap tingkat mengandungi dua apartmen yang terdiri daripada ruang tamu, ruang dapur, tiga bilik tidur dan dua bilik air bagi setiap apartmen. Harga bangunan termasuk urusan pengurbasan bernilai sebanyak RM 4juta. Pembelian ini akan dibayai sepenuhnya melalui konsep Saham Wakaf Johor</p> <ul style="list-style-type: none"> Kebanyak masjid-masjid di negeri Kedah dibina di atas tanah yang diwakafkan. Masyarakat lazimnya mewakafkan tanah untuk didirikan masjid dan tapak perkuburan Antara masjid yang dibina di atas tanah wakaf ialah Masjid Sultanah Alor Star,Masjid Taman Wira,Mergong,Masjid Negeri Kedah iaitu masjid Zahir juga dibina di atas tanah yang di wakafkan dan banyak lagi.
JOHOR	HASIL SAHAM WAKAF	<p>Bantuan karpet dan pemberas suara serta bantuan lain yang sewajarnya di masjid-masjid dan surau di seluruh Negeri Johor.</p> <p>Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, Taman Bandaran Kelana Jaya telah dibina melalui Dana Saham Wakaf Selangor sepuhunya berjumlah RM 8 juta.</p> <ul style="list-style-type: none"> Masjid An-Nur, Kampung Kunci Air Buang Tanjung Karang telah dibina semula menggunakan sebahagian dari Saham Wakaf Selangor berjumlah RM350 ribu. <p>Projek Balai Cerapan Al-Hilal Tanjung Bidara</p>
PEMBINAAN MASJID		

MELAKA	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan dan pembinaan Projek Balai Cerapan telah dilaksanakan oleh Pejabat Mufti Negeri Melaka. • Kerajaan Negeri telah membayai projek berkenaan dengan kos berjumlah RM2.35 juta. • Projek ini dengan keluasan satu ekar dibina di atas tanah wakaf di Tanjung Bidara Melaka. • Projek tersebut siap dibina pada akhir tahun 2002 dan mula beroperasi pada tahun 2003. • Matlamat pembinaannya ialah untuk memudahkan melihat anak bulan dengan menggunakan teknologi terkini. • Selain itu, balai tersebut juga digunakan sebagai tempat perbincangan kakitangan Pejabat Mufti.
PULAU PINANG	<p align="center">PEMBANGUNAN WAKAF MAKAM M M NORDIN</p> <p align="center">(Pembangunan Sebuah Madrasah Dan Pemuliharaan Makam M M Nordin)</p>
KEDAH	<p align="center">TANAH WAKAF BENDANG/SAWAH</p> <ul style="list-style-type: none"> • Majoriti tanah wakaf di negeri Kedah adalah tanah sawah. • Tanah-tanah sawah tersebut telah disewaikan kepada pesawah dan hasilnya dikutip oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah. • Harga sewanya ialah sebanyak RM250 satu relong iaitu satu ekar bersamaan $\frac{1}{4}$ relong.
JOHOR	<p align="center">Ladang Wakaf Johor –menggunakan dana dari saham wakaf Projek usahasama antara Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) dalam membangunkan ladang kelapa sawit seluas 3900 ekar di Mersing.</p>
PAHANG	<p align="center">WAKAF TANAH PERTANIAN</p> <p>MUIP telah berusaha untuk memajukan ladang kelapa sawit dan telah memohon tanah kerajaan di beberapa lokasi yang strategik di negeri Pahang iaitu bertempat di Sg Berjuang Ulu Cheka ,Jerantut.Dengan keluasan sebanyak 505 ekar dan di Jalan Tasik Chini ,Mukim Ulu Penyor dengan keluasan sebanyak 1600 ekar tanah .Kesemua projek-projek ini bertujuan untuk menambah dana saham wakaf</p>

Kesimpulan

Wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Apabila masyarakat mendapat kemudahan menerima rawatan kesihatan, pendidikan dan kemahiran maka dari sudut insani ini bermakna mereka juga telah membangun. Ini kerana apabila mereka sihat dan terdidik serta mempunyai kemahiran ia membuka peluang untuk meningkatkan juga taraf ekonomi keluarga mereka. Begitu juga dengan adanya tempat-tempat ibadat yang membolehkan mereka berjamaah, menunaikan ibadat, menunut ilmu dan melakukan kegiatan-kegiatan yang menyuburkan rohani akan turut membangunkan kemanusiaan mereka.

RUJUKAN

- ‘Abd. al-Satar Ibrahim al-Haiti (1997), *al-Waqf Wadawaruh fi at-Tanmiyyah*. Qatar : Markaz al-Buhuth Wal-Dirasat.
- AbulHasan M.Sadeq (Edt.) (1992), *Financing Economic Development : Islamic and Mainstream Approaches*. Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Abulhasan Muhammad Sadeq (1990), *Economic Development in Islam*. Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- AbulHasan Muhammad Sadeq, Ataul Huq Pramanik & Nik Mustapha Nik Hassan (Edt.) (1991), *Development and Finance in Islam*. Selangor : International Islamic University Press.
- Ataul Huq (Pramanik) (1993), *Development and Distribution in Islam*. Selangor : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Departemen Agama (2006), *Peraturan Perundangan Perwakafan*. Jakarta : Departemen Agama, Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam.
- Departemen Agama Republik Indonesia (2004), *Strategi Pengamanan Tanah Wakaf*. Jakarta : Proyek Peningkatan Pemberdayaan Wakaf, Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggaraan Haji, Departemen Agama Republik Indonesia.
- Departemen Agama RI (2004), *Pedoman Pengendalian dan Evaluasi Pengelolaan Wakaf*. Jakarta : Departemen Agama RI, Direktorat Pengembangan Zakat dan Wakaf Ditjen Bimas Islam dan Penyelenggaraan Haji.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1979), *Pembangunan dan Masalah Ekonomi : Kumpulan Rencana Pilihan Dewan Masyarakat 1963-1972*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Direktorat Pemberdayaan Wakaf (2006), *Strategi Pengembangan Wakaf Tunai di Indonesia*. Jakarta : Direktorat Pemberdayaan Wakaf, Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam.
- Farida Prihatini, Uswatun Hasanah & Wirdyaningsih (2005), *Hukum Islam, Zakat dan Wakaf : Teori dan Prakteknya di Indonesia*. Indonesia : Penerbit Papas Sinar Sinanti Anggota Ikapi dan Badan Penerbit Fakultas Hukum Universitas Indonesia.
- H. Imam Suhadi, S.H. (2002), *Wakaf Untuk Kesejahteraan Umat*. Yogyakarta : Pt. Dana Bhakti Prima Yasa.
- Haim Gerber (1984), The Waqf Institution in Early Ottoman Edirne, *Studies In Islamic Society : Contributions In Memory of Gabriel Baer*. Israel : Haifa University Press. Hlmn. 29-45.

Jabatan Agama Islam Selangor (t.t.), *Enakmen Wakaf dan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor*. Selangor : Bahagian Baitulmal, Jabatan Agama Islam Selangor.

Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (2006), *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. Putrajaya : Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri.

John Robert Barnes (1987), *An Introduction To Religious Foundations in The Ottoman Empire*. Leiden, New York : E. J. Brill.

Kamarudin Ngah (1992), *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Pendidikan Malaysia.

M. Umer Chapra (1993), *Islam and Economic Development*. Pakistan : International Institute of Islamic Thought and Islamic Research Institute.

Monzer Kahf (1998), *al-Waqf fi al-Mujtama' al-Islami al-Mu'asi*. Qatar : Markaz al-Buhuth Wal-Dirasat.

Monzer Kahf (2000), *al-Waaf al-Islami : Tatwiruh, Idaratuh, Tanmiyyatuh*. Damsyik : Darul al-Fikr.

Muhammad Abu Zuhrah (2005), *Muhadarat fi al-Waqf*. al-Qaherah : Darul al-Fikr al-'Arabi.

Munawar Iqbal (1988), *Distributive Justice and Need Fulfilment in an Islamic Economy*. Leicester, United Kingdom : International Institute of Islamic Economics, International Islamic University, Islamabad and The Islamic Foundation.

Ni'mat 'Abd. al-Latif Masyhur (1997), *Athar al-Waqff fi Tanmiyyah al-Mujtama'*. Mesir : Jami'ah al-Azhar.

Nik Mustapha Nik Hassan (Edt.) (1999), *Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Nor Aini Idris & Ab. Razak Dan (Edt.) (2004), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Oded Peri (1984), *The Waqf As An Instrument To Increase and Consolidate Political Power : The Case of The Khasseki Sultan Waqf In Late Eighteenth-Century Ottoman Jerusalem*, *Studies In Islamic Society : Contributions In Memory of Gabriel Baer*. Israel : Haifa University Press. Hlmn. 47-62.

Peter C. Hennigan (2004), *The Birth of A Legal Institution : The Formation of The Waqf in Third-Century A.H. Hanafi Legal Discourse*. Leiden, Boston : Brill.

Siti Mashitoh Mahamood (2002), *Perlaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siti Mashitoh Mahamood (2006), *Waqf in Malaysia : Legal and Administrative Perspectives*. Kuala Lumpur : University of Malaya Press.

Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Hasnol Zam Zam Ahmad & Syarqawi Muhammad (2007), *Konsep Wakaf Sebagai Intrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI)*, *Jurnal Pengurusan Jawhar*. Putrajaya : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri.